

# Jawatankuasa

BH -9 MAR 2000

Oleh Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Rabu - Jawatankuasa khas inflasi sifar akan ditubuhkan segera sebagai langkah bersepadu kerajaan untuk jangka panjang bagi mengawal dan menurunkan kadar inflasi negara.

Penubuhan jawatankuasa adalah arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaras dengan usaha berterusan kerajaan

menangani masalah inflasi yang kini pada paras 2.8 peratus.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata Perdana Menteri mahu jawatankuasa dianggotai wakil agensi kerajaan dan swasta.

"Penubuhan jawatankuasa itu dicapai selepas perbincan-

gan saya dengan Perdana Menteri mengenai inflasi dan harga barangan serta perkhidmatan pengguna," katanya di pejabatnya hari ini.

Bagaimanapun, Muhyiddin berkata, terma rujukan, rangka kerja dan tugas anggota jawatankuasa itu masih belum ditentukan.

Beliau berkata, jawatankuasa itu berperanan memastikan kadar inflasi bukan saja

boleh dikawal malah diturunkan ke paras lebih rendah.

"Setakat ini, negara kita mencapai 2.8 peratus inflasi iaitu sudah hampir mencapai tahap inflasi sifar," katanya.

Beliau berkata, selain itu, jawatankuasa itu berfungsi mengambil langkah yang perlu menghapuskan kesan daripada penggantungan bekalan barangan import.

## inflasi sifar ditubuh

Katanya, kadar inflasi di sesebuah negara diukur melalui harga semasa atau Indeks Harga Pengguna (IHP).

Sehubungan itu, katanya, beberapa aspek berkaitan barangan dan perkhidmatan, sewaan serta barangan pengguna termasuk pengangkutan, akan diteliti sebelum sebarang tindakan diambil.

Muhyiddin berkata, jawa-

tankuasa itu turut mengkaji usaha menambahkan bekalan dan pengeluaran dalam negara serta menghapuskan penggantungan barangan import.

Beliau berkata, negara mengimport kira-kira RM4 bilion hingga RM5 bilion bahan makanan termasuk ikan, daging, beras dan sayur.

Katanya, jawatankuasa

khas itu akan melihat secara terperinci skim harga yang ditawarkan supaya ia stabil serta berpatutan bagi memastikan pengguna menikmati harga munasabah seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat.

"Penubuhan jawatankuasa ini bukan bererti negara kita gagal menangani inflasi kerana negara tidak menghadapi tekanan inflasi yang

tinggi serta membebankan rakyat seperti negara membangun lain.

"Ada antara negara membangun menghadapi masalah inflasi sehingga 300 peratus yang menyebabkan kehidupan rakyatnya terjejas," katanya sambil menegaskan usaha itu berbeza dengan kempen kesedaran inflasi sifar yang dilancarkan lima tahun lalu.